

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU,

TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN,
20576 KUALA TERENGGANU.

Telefon : 09-6231957 samb. 2700 – 2706 Fax : 09-6229887
3100 – 3115



PTG. TR. G/05/1988/06/04 (13)

9 Ogos 2005

4 J-Akhir 1426

REJAB

Pentadbir Tanah
KUALA TERENGGANU.

Pentadbir Tanah
KEMAMAN.

Pentadbir Tanah
DUNGUN.

Pentadbir Tanah
BESUT.

Pentadbir Tanah
HULU TERENGGANU.

Pentadbir Tanah
MARANG.

Pentadbir Tanah
SETIU.

Y. Bhg. Dato'/Tuan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL. 1/2005

**TATACARA ALIRAN MEMPROSES PERMOHONAN
LESEN MENDUDUKI SEMENTARA BAGI PERUSAHAAN
PASIR SUNGAI / LOMBONG**

Arahan ini dikeluarkan adalah bagi menyelaraskan tatacara memproses permohonan Lesen Menduduki Sementara bagi perusahaan pasir sungai/lombong. Semua Pentadbir Tanah hendaklah mengambil perhatian berhubung tatacara yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Menimbang Permohonan menjalankan Perusahaan Berasaskan Kayu dan Perusahaan Lain Kali Ke 2/2005 dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kertas Bil. 507/2005 bertarikh 22 Jun 2005 sebagaimana berikut:-

- a) Pemohon kemukakan permohonan bersekali kertas kerja lengkap serta plan tapak kawasan di pohon dalam lapan (8) salinan terus kepada UPEN atau melalui Pentadbir Tanah berkaitan.
- b) Sekiranya permohonan dikemukakan melalui Pentadbir Tanah, Pentadbir Tanah hendaklah mengemukakan kepada UPEN untuk perjalanan selanjutnya. Dalam masa yang sama bagi mempercepatkan proses Pentadbir Tanah bolehlah membuat siasatan ke atas permohonan tersebut.

- c) UPEN akan mengedarkan permohonan yang diterima kepada Pentadbir Tanah dan Jabatan Teknikal bagi mendapat ulasan/pandangan.
- d) Permohonan yang diterima daripada UPEN atau dikemukakan oleh pemohon sebagaimana di para (b) di atas, Pentadbir Tanah hendaklah membuat siasatan lengkap bersekali pelan kawasan dipohon (PT. Lot)
- e) Pentadbir Tanah sediakan kertas untuk di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Daerah bagi pertimbangan.
- f) Pentadbir Tanah kemukakan kertas pengesyoran/pelan kawasan dipohon serta syarat-syarat lesen dan bayaran tahunan LMS samada di syor lulus/tolak berdasarkan keputusan Jawatankuasa Tanah Daerah kepada UPEN.
- g) UPEN kemukakan permohonan yang diterima bersekali pandangan Jabatan Teknikal dan syor Pentadbir Tanah ke Mesyuarat Jawatankuasa Menimbang Perusahaan Berasaskan Kayu dan Perusahaan lain.
- h) UPEN sediakan kertas pengesyoran kepada MMKN.
- i) UPEN maklumkan keputusan MMKN kepada Pentadbir Tanah berkaitan dan salinan kepada PTG serta pemohon.
- j) Pentadbir Tanah minta pemohon menjelaskan bayaran permohonan LMS dan bayaran-bayaran lain ditetapkan.


2. Carta Aliran Tatacara memproses permohonan untuk Tapak Perusahaan Pasir Sungai/Lombong adalah sebagaimana di Lampiran 'A'.

Sekian, terima kasih.

“ ISLAM HADHARI TERENGGANU BESTARI ”

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI MOHD MUKHTAR BIN ISMAIL)

Pengarah Tanah dan Galian
Terengganu.

1. Yang Berhormat, Setiausaha Kerajaan Terengganu.
2. Pengarah, Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu.
3. Semua Timbalan Pengarah Tanah dan Galian.
4. Semua Penolong Pengarah Tanah dan Galian.
5. Pegawai Sistem Maklumat.
6. Semua Pegawai Eksekutif.
7. Pegawai Kanan Petempatan.
8. Ketua Pembantu Tadbir (Pelupusan) PTG.
9. Pembantu Tadbir (Pelupusan/LMS) PTG.
10. 0Fail Timbul.

CARTA ALIRAN TATACARA PROSES PERMOHONAN PASIR SUNGAI/BEKAS LOMBONG

